

KULIM, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PARA PEKERJA KILANG SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN HASUTAN SEGELINTIR PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DAN JUGA MENGELAK DARIPADA MENIMBULKAN MASALAH YANG BOLEH MENJEJASKAN SISTEM PENGELUARAN SEKTOR PERKILANGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PIHAK KESATUAN SEKERJA ASING, MELALUI WAKIL MEREKA DI KESATUAN TEMPATAN SEPerti KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC), AKAN CUBA MENGHASUT PARA PEKERJA SUPAYA MENIMBULKAN MASALAH DENGAN HARAPAN PELABUR ASING MENUTUP OPERASI MEREKA DI SINI. PERKEMBANGAN YANG TIDAK SIHAT SEPerti INI HANYA AKAN MERUGIKAN PEKERJA KILANG YANG AKAN MENGANGGUR DAN MENGUNTINGKAN PULA MEREKA DI NEGARA LAIN DI MANA PELABUR ASING MEMINDAHKAN OPERASINYA, KATA BELIAU.

BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PARA PEKERJA KILANG DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KULIM DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEKERJA BOLEH MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH SECARA RUNDINGAN DAN TIDAK PERLU MENGADAKAN MOGOK.

KATANYA, ADA KESATUAN SEKERJA ASING SEPerti DI AMERIKA SYARIKAT, YANG INGIN MELIHAT PARA PELABUR MENUTUP OPERASI DI SINI SUPAYA MEREKA BOLEH MENIKMATI FAEDAH APABILA KILANG-KILANG DITEMPATKAN DI SANA. -- LAGI

1654MST 14 07 90

D701

U B172 AAB

MAHATHIR - PEKERJA 2 KULIM R R R

LEBIH 3,000 PEKERJA 20 KILANG DI KAWASAN PERINDUSTRIAN KULIM MENYERTAI MAJLIS PERJUMPAAN ITU. TURUT SAMA IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT DAN MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI OSMAN AROFF.

PERDANA MENTERI BERKATA ADA BEBERAPA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA TEMPATAN YANG BEKERJASAMA DENGAN KESATUAN SEKERJA ASING SUPAYA MEMULAU BARANG-BARANG KELUARAN SEKTOR PERKILANGAN DI SINI.

PARA PEMIMPIN KESATUAN INI, YANG MENDAKWA BERJUANG MELINDUNGI HAK-HAK PEKERJA, HANYA MEMPUNYAI KEPENTINGAN PERIBADI DAN MUNGKIN INGIN MELIHAT KILANG-KILANG DI NEGARA INI DITUTUP, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MENGGALAKKAN KEMASUKAN PARA PELABUR ASING DENGAN MEMBERI TARAF PERINTIS SUPAYA MEREKA MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN DAN MEMINDAHKAN KECEKAPAN TEKNOLOGI KEPADA PEKERJA TEMPATAN.

+KITA HENDAK MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR ASING SEHINGGAKAN DAPAT MENAMPUNG SEGALA TENAGA PEKERJA YANG TERDAPAT DI MALAYSIA,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA SETIAP TAHUN RIBUAN LEPASAN SEKOLAH INGIN MENDAPATKAN PEKERJAAN. -- LAGI

1656MST 14 07 90

D702

U B173 AAB

MAHATHIR - PEKERJA 3 KULIM R R R

SELEPAS MENCAPAI TAHAP YANG TERDAPAT KEKURANGAN TENAGA PEKERJA, MAKA BOLEHLAH PARA PEKERJA KILANG MEMINTA MENAIKKAN GAJI MEREKA TETAPI PERMINTAAN ITUPUN MESTILAH TIDAK KETERLALUAN SEHINGGAKAN KOS PENJAJARAN BARANG-BARANG MENJADI TERLALU TINGGI, KATANYA.

+KITA TIDAK MAHU MELIHAT KEADAAN SEPerti DI SESETENGAH NEGARA YANG KADAR UPAHNYA TERLALU TINGGI SEHINGGAKAN BARANG-BARANG YANG DIKELUARKAN BERHARGA MAHAL DAN SUKAR MEMASUKI PASARAN ASING,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH SERTA PEMBESAR-PEMBESAR LAIN KEMUDIAN MENYERTAI PARA PEKERJA ITU MAKAN TENGAH HARI DI DEWAN SEKOLAH ITU. -- BERNAMA